



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 MEI 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	BOLEH MOHON SUBSIDY DIESEL MULAI HARI INI, NASIONAL, SH -9 BANTUAN TUNAI SUBSIDY DIESEL SEKTOR PERTANIAN DI BAWAH INISIATIF BUDI AGRI-KOMODITI, UTUSAN BORNEO -ONLINE SUBSIDY DIESEL: PENGUSAHA SEKTOR PERTANIAN PERLU DAFTAR DENGAN GEOAGRO, MALAYSIA KINI -ONLINE DAFTAR SISTEM GEOAGRO DAHULU SEBELUM MOHON BUDI MADANI - KPKM, SH -ONLINE DIESEL SUBSIDY: THOSE IN AGRICULTURAL SECTOR MUST BE REGISTERED WITH GEOAGRO-KPKM, THE SUN -ONLINE PERMOHONAN SUBSIDY DIESEL BUDI MADANI RM200 SEBULAN DIBUKA ESOK, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE PEMILIK KENDERAAN DIESEL BOLEH MOHON SUBSIDY MULAI ESOK - MOF, HM -ONLINE PERMOHONAN SUBSIDY DIESEL BUDI MADANI RM200 SEBULAN DIBUKA MULAI ESOK, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
9. 10. 11. 12.	PENYU SEMAKIN KERAP MENDARAT DI NEGARA INI, KL, SH -22 SIX RIVERS IN KLANG VALLEY INFESTED BY INVASIVE FISH SPECIES, NATIONAL, THE SUN -4 HOW TO TURTLE REDUCE THREAT FROM JELLYFISH, COMMENT, THE STAR -6 SAVING OUR FISH FROM INVADERS, NATION, THE STAR -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14. 15. 16.	GANGGUAN HAIWAN LIAR TIDAK HALANG ORANG ASLI TANAM PADI HUMA, DALAM NEGERI, UM -33 BERMULA SEKADAR HOBI, KINI TAUKE LADANG NANAS, BISNES, SH -31 SIBU FARMERS GET FERTILISER, PESTICIDE AID, EVENT, THE STAR -8 CACAT PENGLIHATAN TIDAK HALANG ROSLI BERTANI DI TENGAH KOTA, GAYA LELAKI, UM -26	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

28/5/2024

SINAR
HARIAN

NASIONAL

9

Boleh mohon subsidi diesel mulai hari ini

Mereka yang layak terima Budi Madani RM200 sebulan susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD

SHAH ALAM

Permohonan bagi program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil komoditi akan dibuka bermula pada Selasa.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, penerima yang layak akan menerima Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Menurutnya, pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak boleh membuat permohonan itu di bawah kategori Budi Madani manakala petani dan pekebun ke-

cil pula Budi Agri-Komoditi.

Beliau berkata, kriteria kelayakan Budi Madani melibatkan permohonan warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, cukai jalan aktif serta pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 ke bawah.

"Setiap permohonan yang diterima akan disemak silang dengan data di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mengesahkan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi.

"Selain itu, bagi kelayakan Budi Agri-Komoditi, permohonan mesti berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

"Pemohon di bawah kategori ini juga perlu aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM150,000 dan RM300,000," katanya pada Isnin.

Pada Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Jemaah

Menteri bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel yang hanya akan melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Namun keputusan itu tidak melibatkan pengguna Sabah dan Sarawak kerana penduduk di sana kebanyakannya menggunakan diesel untuk urusan seharian.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web <https://budimadani.gov.my/> yang akan dibuka sepanjang tahun.

"Bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun, permohonan akan menerima Budi Madani pertama menjelang pertengahan Jun dan bantuan seterusnya akan disalurkan secara bulanan.

"Bagi permohonan yang diluluskan selepas 3 Jun pula akan menerima Budi Madani pertama dalam tempoh dua minggu dan seterusnya secara bulanan.

"Ia akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima setiap bulan manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntutnya secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, Amir Hamzah berkata, program tersebut melengkapi usaha sedia ada kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel melalui sistem MySubsidi Diesel

Untuk memohon dan mengetahui lebih lanjut berhubung syarat-syarat kelayakan Budi Madani, boleh layari <https://budimadani.gov.my> atau boleh menghubungi talian bantuan Budi Madani di nombor 1-800-88-2747/03-8882 4565/03-8882 4566 atau e-mel di alamat budimadani@treasury.gov.my. Pertanyaan dan maklumat lanjut juga boleh diperoleh di semua pejabat LHDNM seluruh Semenanjung Malaysia.

yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ujar beliau, setakat ini, hampir 90,000 'Fleet Card' dikeluarkan kepada syarikat di bawah sektor pengangkutan awam dan barangan darat.

"Kad ini membolehkan syarikat logistik yang layak untuk membeli minyak bagi memastikan subsidi di stesen minyak bagi memastikan kesan kos yang minimum kepada rantaian nilai logistik serta bekalan dan secara langsung mengurangkan risiko kenaikan harga barangan.

"Dengan pelaksanaan ini, kerajaan telah memperluas bantuan tunai kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi menjelang pelaksanaan penyasaran subsidi diesel," katanya.



AMIR HAMZAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Bantuan tunai subsidi diesel sektor pertanian di bawah inisiatif BUDI Agri-Komoditi



Gambar hiasan Bernama

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyokong inisiatif pemberian bantuan tunai subsidi diesel kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur melalui Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) di bawah kategori BUDI Agri-Komoditi.

Hari ini, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengumumkan pelaksanaan BUDI MADANI susulan kenyataan Perutusan Negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada minggu lalu berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api diesel di Semenanjung.

KPKM dalam kenyataan hari ini berkata, bagi membantu menstabilkan kos operasi sektor pertanian, kerajaan bersetuju menyediakan bantuan tunai bulanan sebanyak RM200 di bawah inisiatif BUDI Agri-Komoditi kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang memenuhi syarat-syarat.

Kata kenyataan itu, syarat tersebut adalah warganegara Malaysia atau pertubuhan berdaftar di Malaysia; individu atau pertubuhan perlu berdaftar dengan KPKM melalui Sistem Pendaftaran GeoAgro; individu atau pertubuhan perlu membuat permohonan dengan MOF melalui Portal BUDI MADANI termasuk membuat pengesahan pendapatan; Julat pendapatan kasar tahunan daripada nilai jualan hasil pertanian dari RM50,000 hingga RM300,000; dan individu atau pertubuhan yang mengusahakan tanaman atau ternakan atau akuakultur dan menghasilkan pengeluaran secara berterusan.

Dalam hal ini, jelas KPKM, petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang berkecualan perlu berdaftar terlebih dahulu melalui Sistem GeoAgro di pautan <https://geoagroregister.kpkm.gov.my> dan membuat permohonan di Portal BUDI MADANI di pautan <https://budimadani.gov.my>.

"Pada masa yang sama, subsidi dan insentif sedia ada kepada golongan nelayan dan pesawah akan terus dikekalkan.

"Bagi nelayan, Kerajaan akan terus memberikan subsidi diesel pada harga RM1.65 seliter kepada kategori pemilik vesel perikanan Zon A, B dan C tertakluk kepada kuota yang ditetapkan.

"Manakala bagi pesawah, kerajaan telah menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per tan metrik kepada RM500 per tan metrik pada tahun 2023," jelas kenyataan itu

Sebagai tambahan, kata kementerian itu, kerajaan juga bersetuju menambah baik kadar sedia ada bagi insentif pembajakan iaitu daripada RM100 per hektar per musim kepada RM160 per hektar per musim dan memperkenalkan insentif penuaian pada kadar RM50 per hektar per musim.

Menerusi kenaikan kadar ini, jelasnya pesawah terlibat akan menerima bayaran insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim.

"Selain daripada bantuan tunai kepada pengusaha sektor pertanian, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut membantu syarikat sektor pertanian dengan pemberian fleet card diesel bersubsidi kepada kenderaan pengangkutan yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) 2.0 seperti lori rigid hasil pertanian dan lori rigid kandang haiwan.

"Permohonan perlu dibuat melalui Sistem MySubsidi Diesel di pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/>.

"Sebarang pertanyaan berkenaan bantuan tunai subsidi diesel sektor pertanian boleh menghubungi Bilik Gerakan KPKM di talian 03-8870 1207 / 1147 bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada geoagroadmin@kpkm.gov.my," ujarnya.

Justeru, pemohon juga boleh hadir ke jabatan atau agensi KPKM yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat pengisian borang permohonan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Subsidi diesel: Pengusaha sektor pertanian perlu daftar dengan GeoAgro



Petani, penternak dan pengusaha akuakultur perlu berdaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk mendapatkan bantuan tunai subsidi diesel melalui Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) di bawah kategori BUDI Agri-Komoditi.

KPKM dalam kenyataan hari ini memaklumkan petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang layak, boleh mendaftar dengan Sistem Pendaftaran GeoAgro berkenaan di pautan <https://geoagroregister.kpk.gov.my> sebelum membuat permohonan di Portal BUDI MADANI di pautan <https://budimadani.gov.my>

Menurut kenyataan itu pada masa sama, subsidi dan insentif sedia ada kepada golongan nelayan dan pesawah akan terus dikekalkan.

“Bagi nelayan, kerajaan akan terus memberikan subsidi diesel pada harga RM1.65 seliter kepada kategori pemilik vesel perikanan Zon A, B dan C, tertakluk kepada kuota yang ditetapkan.

“Sebagai tambahan, Kerajaan juga bersetuju menambah baik kadar sedia ada bagi insentif pembajakan iaitu daripada RM100 per hektar per musim kepada RM160 per hektar per musim dan memperkenalkan insentif penuaian pada kadar RM50 per hektar per musim.

“Menerusi kenaikan kadar ini, pesawah terlibat akan menerima bayaran insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim,” menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan selain daripada bantuan tunai kepada pengusaha sektor pertanian, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut membantu syarikat sektor pertanian dengan pemberian ‘fleet card’ diesel bersubsidi kepada kenderaan pengangkutan yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) 2.0.

Ini termasuklah lori rigid hasil pertanian dan lori rigid kandang haiwan dan permohonan perlu dibuat melalui Sistem MySubsidi Diesel di pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/>.

Terdahulu hari ini, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengumumkan pelaksanaan BUDI MADANI susulan Perutusan Negara oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim minggu

lepas berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api diesel, di Semenanjung Malaysia.

Sehubungan itu, bagi membantu menstabilkan kos operasi sektor pertanian, kerajaan bersetuju menyediakan bantuan tunai bulanan sebanyak RM200 di bawah inisiatif BUDI Agri-Komoditi kepada petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan.

Sebarang pertanyaan berkenaan bantuan tunai subsidi diesel sektor pertanian boleh diajukan kepada Bilik Gerakan KPKM di talian 03-8870 1207 / 1147, bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada geoagroadmin@kpk.gov.my.

Pemohon juga boleh hadir ke jabatan atau agensi KPKM yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat pengisian borang permohonan.

- *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Daftar sistem GeoAgro dahulu sebelum mohon Budi Madani - KPKM



Laporan Sinar Harian pada Isnin.

SHAH ALAM - Petani, penternak dan pengusaha akuakultur diminta untuk mendaftarkan diri di sistem GeoAgro terlebih dahulu sebelum melakukan permohonan bagi program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani).

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam satu kenyataan berkata, individu yang layak dan menepati syarat ditetapkan boleh melakukan pendaftaran menerusi portal yang disediakan.

"Petani, penternak dan pengusaha akuakultur yang berkecayaan perlu berdaftar terlebih dahulu melalui Sistem GeoAgro di pautan https://geoagro_register.kpk.gov.my dan membuat permohonan di Portal Budi Madani di pautan <https://budimadani.gov.my>.

"Antara syarat permohonan (Budi Madani) adalah individu atau pertubuhan perlu berdaftar dengan KPKM melalui Sistem Pendaftaran GeoAgro dan julat pendapatan kasar tahunan daripada nilai jualan hasil pertanian dari RM50,000 hingga RM300,000," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sebelum ini Sinar Harian melaporkan, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, permohonan bagi program Budi Madani akan dibuka bermula pada Selasa.

Menurutnya, penerima yang layak akan menerima Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Jelas beliau, pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak boleh membuat permohonan itu di bawah kategori Budi Individu manakala petani dan pekebun kecil pula Budi Agri-Komoditi.

Tambahnya, kriteria kelayakan Budi Individu membabitkan pemohon warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, cukai jalan aktif serta pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 ke bawah.

Dalam pada itu KPKM memaklumkan, subsidi dan insentif sedia ada kepada golongan nelayan serta pesawah akan terus dikekalkan.

"Bagi nelayan, kerajaan akan terus memberikan subsidi diesel pada harga RM1.65 seliter kepada kategori pemilik vesel perikanan Zon A, B dan C tertakluk kepada kuota yang ditetapkan.

"Manakala bagi pesawah, kerajaan menaikkan kadar Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) daripada RM360 per tan metrik kepada RM500 per tan metrik pada tahun 2023," ujar kenyataan itu.

Mengulas lanjut KPKM berkata, sebagai tambahan kerajaan juga bersetuju menambah baik kadar sedia ada bagi insentif pembajakan iaitu daripada RM100 per hektar per musim kepada RM160 per hektar per musim dan memperkenalkan insentif penuaian pada kadar RM50 per hektar per musim.

Jelasnya, menerusi kenaikan kadar tersebut pesawah terlibat akan menerima bayaran insentif pembajakan dan insentif penuaian sebanyak RM210 per hektar per musim.

Menurut kenyataan itu, permohonan bagi fleet card diesel bersubsidi kepada kenderaan pengangkutan yang layak di bawah Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) 2.0 pula perlu dibuat melalui sistem MySubsidi Diesel di pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/>.

"Sebarang pertanyaan berkenaan bantuan tunai subsidi diesel sektor pertanian boleh menghubungi Bilik Gerakan KPKM di talian 03-8870 1207 atau 1147 bermula 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau e-mel kepada geoagroadmin@kpkkm.gov.my.

"Pemohon juga boleh hadir ke jabatan atau agensi KPKM yang berdekatan untuk mendapatkan khidmat nasihat pengisian borang permohonan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	THE SUN	ONLINE	

Diesel subsidy: Those in agricultural sector must be registered with GeoAgro - KPKM

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan - FACEBOOKpix



KUALA LUMPUR: Farmers, livestock breeders, and aquaculture operators are required to register with the GeoAgro Registration System of the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM) to receive diesel subsidy cash assistance through the BUDI Agri-Commodity category under the MADANI Subsidy Assistance (BUDI MADANI) programme.

KPKM in a statement today said that eligible farmers, breeders, and aquaculture operators could register with the GeoAgro Registration System at <https://geoagroregister.kpk.gov.my> before applying on the BUDI MADANI portal at <https://budimadani.gov.my>.

The statement also assured that existing subsidies and incentives for fishermen and padi farmers would continue.

“For fishermen, the government will maintain the diesel subsidy at RM1.65 per litre for owners of fishing vessels in zones A, B, and C, subject to the set quota.

“In addition, the government has agreed to increase the current rate for plowing incentives from RM100 per hectare per season to RM160 per hectare per season and introduce a harvesting incentive at a rate of RM50 per hectare per season.

“With these increased rates, the padi farmers will receive plowing and harvesting incentives totaling RM210 per hectare per season,” it said.

In addition to cash assistance to agricultural sector entrepreneurs, it said the government, through the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) was also helping agricultural sector companies by providing subsidised diesel 'fleet cards' to eligible transport vehicles under the Subsidised Diesel Control System (SKDS) 2.0.

This includes rigid lorries for agricultural produce and livestock, with applications to be made via the MySubsidi Diesel System at <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/>.

Earlier today, the Ministry of Finance (MOF) announced the implementation of BUDI MADANI following the national address by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim last week regarding the Cabinet's decision to implement targeted diesel subsidy in Peninsular Malaysia.

To help stabilise the operational costs in the agricultural sector, the government agreed to provide monthly cash assistance of RM200 under the BUDI Agri-Commodity initiative to eligible farmers, breeders, and aquaculture operators.

Any queries regarding diesel subsidy cash assistance in the agricultural sector can be directed to the KPKM Operations Room at 03-8870 1207 / 1147, from 8.30 am to 5.30 pm on weekdays or via email to geoagroadmin@kpkm.gov.my.

Applicants can also visit the nearest KPKM department or agency for assistance with filling out the application forms.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Permohonan subsidi diesel BUDI MADANI RM200 sebulan dibuka esok



Amir Hamzah Azizan

KUALA LUMPUR – Permohonan bagi Progam Bantuan Subsidi MADANI (BUDI MADANI) yang melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi dibuka esok.

Penerima yang layak akan disalurkan BUDI MADANI sebanyak RM200 sebulan seiring

dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu boleh membuat permohonan di bawah kategori BUDI Individu.

Manakala petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori BUDI Agri-Komoditi.

“Pelaksanaan susulan kenyataan Perutusan Negara Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada minggu lalu berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api diesel melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia,” katanya dalam kenyataan.

Bagi kategori BUDI Individu, pemohon mestilah warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun.

Kenderaan dimiliki mempunyai cukai jalan yang aktif dan pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah.

Manakala bagi BUDI Agri-Komoditi, pemohon mestilah berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi yang berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK).

Pemohon merupakan petani atau pekebun kecil komoditi yang aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000.

“Setiap permohonan yang diterima akan disemak silang dengan data di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mengecualikan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi (T20),” katanya.

Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web <https://budimadani.gov.my> yang akan dibuka sepanjang tahun.

Bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun akan menerima BUDI MADANI pertama menjelang pertengahan Jun dan bantuan seterusnya akan disalurkan secara bulanan.

Manakala bagi permohonan yang diluluskan selepas 3 Jun akan menerima BUDI MADANI pertama dalam tempoh dua minggu dan seterusnya secara bulanan.

BUDI MADANI akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima setiap bulan manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntut BUDI MADANI secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung Malaysia.

Amir Hamzah berkata, Program BUDI MADANI melengkapi usaha sedia ada Kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel melalui sistem MySubsidi Diesel kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Setakat ini, hampir 90,000 fleet card dikeluarkan kepada syarikat di bawah sektor pengangkutan awam darat dan sektor pengangkutan barangan darat.

“Seperti yang sering kali ditekankan oleh Perdana Menteri, penyasaran subsidi diesel merupakan antara langkah reformasi fiskal di bawah kerangka Ekonomi MADANI, bagi membina kemampanan kewangan Kerajaan serta Malaysia yang lebih berdaya saing.

“Ikhtiar BUDI MADANI mencerminkan usaha bersepadu jentera Kerajaan MADANI dalam memastikan mekanisme penyasaran subsidi diesel adalah komprehensif, cekap dan berkesan supaya sektor logistik dan majoriti rakyat terus dilindungi,” tambah beliau.

Untuk memohon dan mengetahui lebih lanjut berhubung syarat-syarat kelayakan BUDI MADANI boleh layari <https://budimadani.gov.my>.

Pemohon juga boleh menghubungi talian bantuan BUDI MADANI di nombor 1-800-88-2747 / 03-8882 4565 / 03-8882 4566 atau secara e-mel di alamat budimadani@treasury.gov.my.

Pertanyaan dan maklumat lanjut juga boleh diperolehi di semua pejabat LHDNM seluruh Semenanjung Malaysia. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Pemilik kenderaan diesel boleh mohon subsidi mulai esok - MOF



GAMBAR fail, sekadar hiasan. FOTO NSTP

Kuala Lumpur: Pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk dalam kalangan petani kecil dan pekebun kecil boleh membuat permohonan Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani yang akan dibuka mulai 28 Mei 2024.

Pelaksanaan ini susulan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada minggu lalu berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api diesel membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Kementerian Kewangan (MOF) menerusi satu kenyataan berkata, pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu boleh membuat permohonan di bawah kategori Budi Individu sementara petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

MOF berkata, penerima yang layak di bawah kedua-dua kategori akan disalurkan Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

"Kriteria kelayakan bagi kategori Budi Individu adalah pemohon warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, kenderaan dimiliki juga mempunyai cukai jalan yang aktif dan pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah.

"Setiap permohonan yang diterima akan disemak silang dengan data di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mengecualikan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi (T20).

"Manakala kriteria kelayakan bagi Budi Agri-Komoditi terbuka kepada pemohon berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi yang berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

"Pemohon adalah petani atau pekebun kecil komoditi yang aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000," katanya.

Permohonan awal untuk Budi Individu dan Budi Agri-Komoditi menjelang pertengahan Jun 2024 dan boleh dibuat melalui budimadani.gov.my yang akan dibuka sepanjang tahun.

Bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun 2024, pemohon akan menerima Budi Madani pertama mereka menjelang pertengahan Jun 2024 dan bantuan seterusnya akan disalurkan secara bulanan.

Manakala bagi permohonan yang diluluskan selepas 3 Jun 2024 akan menerima Budi Madani pertama dalam tempoh dua minggu dan seterusnya secara bulanan.

Budi Madani akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima setiap bulan manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntutnya secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung Malaysia.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, dengan pelaksanaan Budi Madani, kerajaan sudah memperluas bantuan tunai kepada individu dan petani kecil dan pekebun kecil komoditi menjelang pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

"Seperti yang sering kali ditekankan Perdana Menteri, penyasaran subsidi diesel antara langkah reformasi fiskal di bawah kerangka Ekonomi Madani, bagi membina kemampanan kewangan kerajaan serta Malaysia yang lebih berdaya saing.

"Ikhtiar Budi Madani mencerminkan usaha bersepadu jentera Kerajaan Madani dalam memastikan mekanisme penyasaran subsidi diesel adalah komprehensif, cekap dan berkesan supaya sektor logistik dan majoriti rakyat terus dilindungi," katanya.

Untuk maklumat lanjut boleh melayari <https://budimadani.gov.my> atau menghubungi talian bantuan, 1-800-88-2747/03-88824565 /03-88824566 atau secara e-mel di alamat budimadani@treasury.gov.my.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Permohonan subsidi diesel Budi Madani RM200 sebulan dibuka mulai esok



Permohonan bagi program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil komoditi akan dibuka bermula pada Selasa. Gambar hiasan

SHAH ALAM - Permohonan bagi program Bantuan Subsidi Madani (Budi Madani) melibatkan pemilik kenderaan diesel persendirian, petani dan pekebun kecil komoditi akan dibuka bermula pada Selasa.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, penerima yang layak akan menerima Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.



Amir Hamzah

Menurutnya, pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak boleh membuat permohonan itu di bawah kategori Budi Individu manakala petani dan pekebun kecil pula Budi Agri-Komoditi.

Beliau berkata, kriteria kelayakan Budi Individu membabitkan pemohon warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, cukai jalan aktif serta pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 ke bawah.

"Setiap permohonan yang diterima akan disemak silang dengan data di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mengecualikan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi.

"Selain itu, bagi kelayakan Budi Agri-Komoditi, pemohon mesti berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

"Pemohon di bawah kategori ini juga perlu aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000," katanya pada Isnin.

Pada Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Jemaah Menteri bersetuju melaksanakan penyasaran subsidi ke atas bahan api diesel yang hanya akan melibatkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Katanya, keputusan itu tidak melibatkan pengguna Sabah dan Sarawak kerana penduduk di sana kebanyakannya menggunakan diesel untuk urusan seharian.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web <https://budimadani.gov.my/> yang akan dibuka sepanjang tahun.

“Bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun, pemohon akan menerima Budi Madani pertama menjelang pertengahan Jun dan bantuan seterusnya akan disalurkan secara bulanan.

“Bagi permohonan yang diluluskan selepas 3 Jun pula akan menerima Budi Madani pertama dalam tempoh dua minggu dan seterusnya secara bulanan.

“Ia akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima setiap bulan manakala penerima tanpa akaun bank boleh menuntunnya secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) seluruh Semenanjung Malaysia,” ujarnya.

Dalam pada itu, Amir Hamzah berkata, program tersebut melengkapi usaha sedia ada kerajaan dalam menyasarkan subsidi diesel melalui sistem MySubsidi Diesel yang dikendalikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Ujar beliau, setakat ini, hampir 90,000 ‘Fleet Card’ dikeluarkan kepada syarikat di bawah sektor pengangkutan awam dan barangan darat.

“Kad ini membolehkan syarikat logistik yang layak untuk membeli minyak diesel bersubsidi di stesen minyak bagi memastikan kesan kos yang minimum kepada rantaian nilai logistik serta bekalan dan secara langsung mengurangkan risiko kenaikan harga barangan.

“Dengan pelaksanaan ini, kerajaan telah memperluas bantuan tunai kepada individu, petani dan pekebun kecil komoditi menjelang pelaksanaan penyasaran subsidi diesel,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	SINAR HARIAN	KUALA LUMPUR	22

Penyu semakin kerap mendarat di negara ini



INFO

- Terdapat 7 spesies penyu di dunia, 4 daripadanya mendarat dan bertelur di pantai Malaysia.
- Penyu belimbing spesies terbesar manakala lipas terkecil.
- Kali terakhir penyu belimbing direkodkan mendarat di Rantau Abang, Dungun pada 2017.
- Terdapat 6 pusat konservasi penyu di Malaysia.

LANGKAH-LANGKAH PEMULIHARAAN

- Jangan makan telur penyu.
- Jangan ganggu penyu yang sedang bertelur.
- Jangan ganggu anak penyu yang menetas merangkak ke laut.
- Jangan beli kraf tangan/cenderamata yang dibuat daripada penyu.
- Jangan buang sampah ke pantai/laut/sungai.
- Jangan buang jaring/pukat ke dalam laut.
- Sokong aktiviti pemuliharaan penyu yang dijalankan di Malaysia.
- Hubungi Jabatan Perikanan Malaysia di talian 03-8888 5019 sekiranya terdapat penyu terdampar.

Menurut DOF, jumlah pendaratan penyu di perairan negara ini meningkat sebanyak 11.17 peratus pada tahun lalu.

Jumlah meningkat, sebanyak 30,375 pendaratan di perairan negara tahun lalu

KUALA LUMPUR

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) merekodkan jumlah pendaratan penyu di perairan negara ini meningkat sebanyak 11.17 peratus pada tahun lepas.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, sebanyak 30,375 pendaratan penyu dicatatkan di perairan Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada 2023 berbanding tahun sebelumnya sebanyak 27,324.

Beliau berkata, bentuk muka bumi dan kekurangan ancaman di perairan negara menjadi faktor menyumbang kepada peningkatan berkenaan, selain pelaksanaan program penetasan telur penyu.

"Berdasarkan rekod terkini dari



ADNAN



2017 hingga 2023, secara keseluruhannya trend pendaratan penyu di Malaysia adalah meningkat. Anggaran purata adalah sebanyak 30,000 pendaratan setahun.

"Antara spesies penyu yang banyak dijumpai di perairan kita ialah penyu agar, karah dan lipas. Pihak kami menyasarkan jumlah itu akan terus meningkat pada tahun ini," katanya selepas Program Jendela Fikir terbitan *Bernama Radio* di sini pada Isnin.

Adnan berkata, pendaratan penyu belimbing, kali terakhir direkodkan DOF pada 2017 di Rantau Abang, Dungun, Terengganu.

"Puncanya mungkin bilangan populasi penyu belimbing semakin berkurangan dan program kita buat sebelum ini tidak dapat menentukan jantina populasi antara jantan atau betina yang menyebabkan penyu itu tidak dapat membiak di laut," katanya.

Justeru, beliau menyeru semua masyarakat terus bekerjasama dalam memelihara alam sekitar supaya ekosistem pendaratan penyu terus menunjukkan angka positif.

"Masyarakat diharap tidak membuang plastik merata-rata sebab

kalau ia (plastik) terlepas di laut akan menjadi ancaman nyata kepada penyu yang menganggap bahawa itu adalah makanannya iaitu ubur-ubur. - *Bernama*



Saiz penyu belimbing boleh mencapai sehingga 2 meter dan beratnya melebihi 500kg. Badannya ditutupi karapas mempunyai tujuh jalur yang menyerupai buah belimbing besi.

Kerajaan negeri Terengganu telah mengharamkan penjualan telur penyu berkuat kuasa 1 Jun 2022.

Six rivers in Klang Valley infested by invasive fish species

KUALA LUMPUR: The Fisheries Department has revealed six rivers in the Klang Valley are now infested by foreign fish species, such as *ikan bandaraya* (Amazon sailfin catfish), black tilapia and African catfish.

The rivers involved are Sungai Kuyoh, Sungai Klang, Sungai Keroh, Sungai Jinjang, Sungai Gombak and Sungai Batu.

Its director-general Datuk Adnan Hussain said the high percentage of foreign fishes could

cause the development of ecosystem biodiversity in the rivers to be compromised.

"The actions of certain parties in releasing these foreign species (into the rivers) are not helpful because they cause the population of our local fishes to decrease.

"Not only that, these fishes also do not add much value to the national economy. If this is not stopped, it will lead to the extinction of local species in our waters," he said during a

media conference after officiating at the launch of the Foreign Fish Hunting event with the Community in Sungai Kuyoh, Bukit Jalil on Sunday.

The event is a collaboration between the department and *Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya*, government agencies, the private sector, Universiti Utara Malaysia and Universiti Teknologi Mara. He also said the culling of these species is to balance the ecosystem, ensuring

the rivers of the country are safe for the release of local fish species.

He said through this event, over 600 foreign fish species weighing 400kg were caught within two hours.

"Throughout the two hours, we only caught two local species, including *ikan puyu* (climbing perch). The biggest catch of *ikan bandaraya* weighed over 1kg while the biggest African catfish caught weighed 4kg," – Bernama



N. TRISHA

trishang

@thestar.com.my

Pinang points

JELLYFISH bobbing around Penang Island must seem like a delectable treat for the green sea turtle or *peryu agar*.

There are many videos of different species of sea turtles devouring slow-moving jellyfish.

And that is why green sea turtles are so important to Penang; our nutrient-rich waters encourage growth of jellyfish populations.

When sea currents are favourable to jellyfish, tens of thousands can be seen in the waters around Penang, endangering beach-goers and even making life difficult for other inhabitants of the sea.

Migratory green sea turtles are vital to controlling Penang's jellyfish population.

Some jellyfish stings can be agonising. The venom comes from specialised cells called nematocysts inside their tentacles. Each tentacle can contain thousands of nematocysts.

Penang has had many cases of tourists and locals being stung by jellyfish while wading along shallow waters.

In March last year, a family picnic in Batu Ferringhi beach became an ordeal when two brothers, aged 13 and 16, were stung by jellyfish while just sitting in knee-deep water.


The teenagers spent a few days in hospital after experiencing breathing difficulties and chest pains.

Sea turtles are protected from the jellyfish sting thanks to their hard shell.

They also have a special, thick layer

How turtles reduce threat from jellyfish

Reptiles help keep Penang seas safer from venomous stings



Green sea turtle making its way to sea at Pantai Kerachut, Penang. — Filepic

oceans and Mediterranean Sea, but not in Malaysia.

This particular turtle was likely drawn to Pulau Kendi due to the abundance of food there.

Both green and hawksbill turtles land to lay their eggs on Penang beaches.

Simply put, the more turtles we have, the safer Penang seas are from jellyfish.

But there is a problem: a plastic bag floating at sea can really look like a delicious jellyfish to a turtle.

Dead turtles are found around the world with plastic bags jammed inside their bellies. Sometimes, plastic straws too.

The next piece of plastic you throw away might be a turtle's cause of death.

Most of us already know about the environmental dangers of plastic and the need to cut down on its usage every way we can.

The simple actions we can do include carrying reusable bags when shopping, bringing your own containers when buying food, and cleaning and separating plastic waste from household rubbish and sending it for recycling.

Universiti Sains Malaysia's Centre for Marine and Coastal Studies director Prof Datuk Dr Aileen Tan confirmed jellyfish infestations control would be better with a healthy population of turtles in our waters.

done fishing net floating around at sea. It was found near Pulau Kendi, a rocky isle about 4km south of Penang Island.

After fishermen cut it free of the ghost net, they saw that it was too weak to swim and simply floated motionless.

So they brought it on board their boat and took it to the Fisheries Department.

What was amazing is that loggerhead turtles have never been recorded landing in Penang.

The species is endangered and usually found in the Atlantic, Pacific and Indian

from throat to stomach called papillae that shields them from venom when eating jellyfish.

The turtle's only weak spot might be its eyes, but those too are protected by twin eyelids – a tough external one and a transparent inner layer – a trait shared by many other reptiles.

Last year, Penang Fisheries Department recorded 25 female turtle landings.

In 2019, fishermen found a huge female loggerhead turtle weighing 60kg entangled in a ghost net, which is an aban-

Saving our fish from invaders

DOF working with civil society to protect native species in rivers, lakes

By MENG YEW CHOONG
yemeng@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Invasive fish species are now found in many urban and even rural rivers here, causing a headache to regulators and conservationists as they struggle to maintain the riverine system in balance.

Practically all Klang rivers, such as those in Klang Valley, are found to harbour non-native species that either breed quickly or that prey on native species. In some cases, they also compete for food, oxygen and space with local species, thus leading to the gradual extinction of local fish, say conservationists.

Most Malaysians would be familiar with the ban on the sale of piranha in the country, but the dreaded flesh-eating parrotfish is the threat to our waterways go way beyond just keeping the piranhas at bay.

According to the Fisheries Department (DOF), an agency under the Science and Technology Ministry, these invaders include the African catfish, African black tilapia, Siamese (Mekong) catfish and of late, the algae sucker-mouth catfish *Hypostomus pleurostomus*, popularly known as the "ghost fish" in the local fish market.


Other species that are not allowed in Malaysia are the painted parrot (Cichla temminckii), also known as speckled peacock bass, the black tiger shrimp (Penaeus monodon), the black tiger shrimp (Cherax quadricarinatus) and the tropical blue crayfish or udang kara air (tawar in Malay).

Just this month, DOF updated its list of prohibited species by adding the African catfish, the painted parrot, the black tiger shrimp and the tropical blue crayfish.

The gazette is part of the Fisheries Department's effort to protect native species and prevent the entry of invasive species into the country. The Fisheries Act 1985, which allows the DOF to regulate the import and export of fish and fish products, also provides for the prohibition of the import and export of certain species of fish and fish products.

"This move to revise the list is important to safeguard our inland waters from invasive fish

Prohibited fish species in Malaysia



Source: Fisheries Department Malaysia

part of efforts to support the global push for biodiversity conservation. It is in line with the 2030 World Biodiversity Framework, part of the Plan to protect biodiversity, in particular native fish species."

Meanwhile, Aquaria KLCC is promoting public awareness by displaying information on the invasive species and native fish species along with posters to educate people about invasive species and their deleterious effect on the ecosystem.

They are currently heading to the Invasive Species exhibition, which ends in June," said Aquawalk executive director Daryl Pong when met at the fish-catching event.

It is part of our duty to educate the people about what's native and what's invasive, for the sake of biodiversity," he added.

Sunday's event was also supported by Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia and the Jockey stadium management.

Komuniti Pemburu Ikan Bandarnya founder, Mohamad Haziq A Rahman, 33, said his group started with 10 members and now has more than 300 from all over the country.

His motivation stemmed from the fact that anglers like him were "fed up" when all the fish they could land from the rivers in Selangor, such as Sungai Langat near his home in handling consisted of the same few species.

"If this situation goes on, the younger generation will not even know what is a native fish species, and may be lulled into thinking that the pike is native, for example," he said.

He said the anglers' hobby is not just about catching fish, but they appreciate all forms of support. In this regard, the endorsement from DOF is very valuable for us," he said when met.

Recognising the limitations of government resources, the anglers' group has been actively seeking support from the civil society.

"We cannot go it alone in this, we need all the help we can get."

"The public can start by not releasing any fish into the rivers, lakes or rivers. If they are unsure about what to do, they can contact the Fisheries Department for assistance," he said.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

"The removal of alien species is a two-hour operation netted around 600 fish weighing about 400kg. Only a few native fish were

28/5/2024

UTUSAN

DALAM

33

MALAYSIA

NEGERI

Gangguan haiwan liar tidak halang Orang Asli tanam padi huma

Oleh **HARIS FADILAH AHMAD**
utusannews@mediamulla.com.my

LIPIS: Alah bisa tegal biasa. Situasi itu sinonim dengan kehidupan wanita Orang Asli etnik Semai, Wak Semeh Azami, 32, dan Wak Na Bongsu, 35, yang terpaksa berdepan cabaran gangguan haiwan liar ketika menanam padi huma atau padi bukit di Kampung Rakoh, Ulu Jelai di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Wak Semeh berkata, tiga spesies haiwan liar kerap mengganggu tanaman padi huma mereka iaitu babi hutan dan gajah pada waktu malam manakala burung di siang hari.

"Dalam tempoh tujuh bulan sejak mula menanam sehingga dituai, kami bergilir-gilir menjaga kawasan tanaman ini seluas empat hektar yang dikongsi bersama beberapa orang penduduk di sini untuk menghindarkan gangguan haiwan tersebut.

"Biasanya orang lelaki bergilir-gilir menjaga tanaman ini pada waktu malam. Mereka akan menghalau jika mendapati haiwan liar mencaroboh kawasan ini dan kadang-kadang mengalami kerosakan kecil," katanya di Kampung Rakoh, Pos Lenjang di sini.

Menurut Wak Semeh, serangan haiwan liar adalah perkara biasa dan petani padi huma di situ sabar menempuh cabaran menjaga tanaman itu supaya subur serta bolen dituai dalam

tempoh tujuh bulan. Rakannya, Wak Na menjelaskan, waktu mencabar adalah ketika benih padi huma mula ditanam sehingga tempoh lima bulan kerap ia diganggu haiwan liar.

"Selepas babi hutan dan gajah, petani di berdepan pula ancaman burung liar ketika tanaman itu mula mengeluarkan hasil (padi) sehingga masak serta boleh dituai.

"Tanaman padi huma atau padi bukit di sini merupakan pekerjaan penduduk Orang Asli di sini dan di kampung lain juga aktiviti turun-temurun sejak orang-orang tua dahulu sebagai keperluan makanan harian.

"Kebiasaannya hasil yang dituai kita simpan di pondok belakang rumah, kemudian ditumbuk dengan lesung untuk menghasilkan beras dan ditanak bagi sajian (makanan) keluarga, tetapi ada yang menjual kepada penduduk di tempat lain untuk memperoleh wang," katanya.

Bagi Noruan Bah Setak, 40, kebiasaannya, wanita di sini memetik padi huma menggunakan ketam atau pisau dan diikat menjadi 'gemal' dimasukkan ke dalam gumi lalu dibawa pulang ke rumah.

"Kebanyakan padi huma ditanam untuk makanan keluarga serta mampu bertahan dalam tempoh enam bulan sebelum petani di sini memperoleh hasil baharu yang ditanam pada musim berikutnya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/5/2024	SINAR HARIAN	BISNES	31



Hafizuddin menunjukkan ladang nanas miliknya di Changlun yang akan diperluaskan lagi sehingga tiga hektar.

Bermula sekadar hobi, kini tauke ladang nanas

Bangga miliki ladang seluas satu hektar di usia muda

Oleh ROSLINDA HASHIM

CHANGLUN



Bermula dengan menanam di sekeliling rumah sebagai hobi, Hafizuddin kini bergelar usahawan tani.

Tidak malu bergelar usahawan tani pada usia muda, Hafizuddin Mohd Sabri, 27, meneruskan minat dalam sektor pertanian meskipun pada mulanya berjinak-jinak dalam menanam nanas sebagai hobi.

Bermula dengan menanam nanas di sekeliling rumah, anak sulung lima beradik itu kini mengusahakan ladang seluas satu hektar di Changlun, Kedah.

Berpanas terik dan bergelumang dengan kotoran khususnya pekerjaan dalam sektor 3D (kotor, bahaya, sukar) bukan alasan untuk tidak meneruskan minat mendalam kerana hasilnya lumayan.

"Saya meminati bidang pertanian dan berkaitan alam sekitar sejak di bangku sekolah. Saya mula tanam Nanas MD2 ketika awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu pada 12 Julai 2020. Masa itu saya masih di tahun akhir pengajian."

"Saya nekad mengusahakan tanah di sekeliling rumah yang dijadikan sebagai *homestay* kerana kawasan tersebut sering terabai dan ditumbuhi semak."

"Saya memang jenis yang tidak boleh duduk diam, tambahan pula ketika itu PKP memang tak boleh ke mana-mana, jadi saya ambil peluang itu untuk berkebun sebagai aktiviti mengeluarkan peluh," katanya.

Menurut beliau, sejak itu minat semakin mendalam untuk mempelajari selok-belok tanaman nanas dan berhasrat mengeluarkan hasil dalam skala lebih besar.

"Saya pun buat carian maklumat di internet dan YouTube. Rupa-rupanya ramai pengusaha nanas MD2 di Changlun. Saya pun berguru dengan mereka yang tidak lokek memberi tunjuk ajar dan berkongsi pengalaman," ujarnya.

Hafizuddin berkata, hasil kajiannya mendapati bidang pertanian khususnya nanas MD2 berpotensi besar kerana har-

ga tinggi di pasaran dan disifatkan berbaloi kepada petani selain tidak memerlukan sumber air banyak.

"Berebalkan minat mendalam, saya bermula dari kosong dan belajar dengan usahawan tani yang lebih berpengalaman. Ketika itu, perkara asas seperti baja, racun pun saya tidak tahu."

"Namun dengan keazaman tinggi, saya tidak segan untuk belajar dan bertanya," katanya yang memulakan tanaman itu dengan modal permulaan RM2,000.

Menurutnya lagi, projek rintis bermula dengan penanaman dalam polibag sebanyak 500 pokok terdiri daripada nanas jenis MD2 dan yankee, sebelum memperbesarkan tanaman kepada skala lebih besar.

"Anggaran untung kasar bagi projek ini ialah sekitar RM5,500 dengan menjual buah segar kepada pelanggan seperti jiran dan rakan-rakan," ujarnya.

Hafizuddin memaklumkan, ladang baharu akan dibuka di Kampung Changkat Setol, Changlun untuk tanaman nanas MD2 dan yankee dalam masa terdekat.

"Bermula dengan kawasan tepi rumah kini ladang seluas satu hektar ditanam 2,000 pokok, dengan anggaran hasil tuai 1,000 kilogram dan hasil jualan RM6,000."

"Saya dalam perancangan untuk perluasan sehingga tiga hektar, selain belajar cara pemasaran untuk perancangan masa depan," katanya.

Kongsi ilmu

Biarpun masih baharu dalam sektor pertanian, Hafizuddin tidak lokek untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dengan usahawan tani baharu.

"Saya banyak membuat perkongsian ilmu, antaranya mengenai penyakit nanas, cara mengelakkan serangan makhluk perosak, cara suburkan dan manisakan buah sehinggalah kepada proses menuai."

"Peminat nanas boleh layari laman Facebook milik saya, Nenas MD2 Changlun atau di saluran YouTube, Din Sabri Channel untuk mendapatkan pengetahuan."

"Tujuan perkongsian itu adalah kerana saya ingin sebarkan ilmu dan pengalaman diperoleh kepada rakan tani lain supaya mereka tidak melakukan kesalahan seperti yang telah saya lakukan, selain dapat elakkan kerugian," katanya.

Menurutnya, usaha ini merupakan amal jariah dan sumbangan bermanfaat yang dikongsi kepada masyarakat.

"Ramai petani baharu berdepan masalah berkaitan Nanas MD2 khasnya penyakit dan cara pengurusan. Melalui perkongsian itu, saya bantu mereka selesaikan masalah tersebut."

"Malah petani yang sudah lama menanam dalam skala besar juga mengambil manfaatnya," ujar pemuda itu.

Jelas Hafizuddin lagi, biarpun sudah berjaya memperluaskan ladang nanas, beliau tidak terkecuali berdepan dugaan.

"Saya juga pernah lalui zaman perit, ditipu pembekal dan terjebak dengan pertukaran mata wang asing. Pengajarannya, kita perlu kenal pasti dengan siapa kita berurusan sebelum meneruskan perniagaan walaupun permintaan melonjak."

"Kita juga perlu dapatkan pandangan orang lebih arif dalam bidang tersebut, malu bertanya sesat jalan. Sifat gelojoh dan tergesa-gesa boleh membinasakan diri sendiri," katanya.



28/5/2024

THE STAR

EVENT

8

Sibu farmers get fertiliser, pesticide aid

By **ANDY CHUA**

andychua@thestar.com.my

A TOTAL of 29 baby corn farmers of Rumah Bungan in Sibuan, Sarawak received RM290,000 worth of fertiliser and pesticide.

Sarawak's Deputy Education, Innovation and Talent Development Minister Datuk Dr Annuar Rapae said each baby corn sold for about 30sen.

"At this price, their monthly earnings would range between RM2,000 and RM3,000.

"I suggested for the relevant authorities look into ways to increase the farmers' income," he said.

Dr Annuar said the aid meant that the farmers no longer need-

ed to buy fertilisers and pesticides for at least a year.

"So far, they have received nearly RM10,000 each to buy pesticides and fertilisers," he said at an aid presentation ceremony.

The Nangka assemblyman said he would get supermarkets and hotels in town to deal directly with the farmers for their supply of baby corn.

"If they can sell directly to supermarkets and hotels, it would ensure higher profit margins for the farmers."

He said the Sarawak government had set a target for small commodity farmers to earn RM16,000 per month by 2030.

Separately, Sarawak Iban

Annual Conference (SIAC) Methodist Church Sibuan received RM1mil from the state's Unit for Other Religions (Unifor).

Dr Annuar said the funds would be used by the church to upgrade its hostel, conference room and meeting room.

"Unifor had earlier presented RM1mil for the first phase of upgrading work, which was used for the project's administrative block," he said.

SIAC president Rev Bonnie Sedau said the project was estimated to cost RM2.2mil.

"It is 80% completed. We hope with the additional funds, we can resume the project and expect it to be completed by the end of July," he said.

Dr Annuar (centre) presenting free fertilisers and pesticides to baby corn farmers of Rumah Bungan in Sibuan.



28/5/2024

UTUSAN

GAYA LELAKI

26

MALAYSIA



SELAIN bertani, Rosli Rashid juga mencaburi bidang penternakan ikan keli dan ikan sepat.



BERJAYA memetam ratusan ikan keli untuk pasaran sekitar Shah Alam, Selangor.

Cacat penglihatan tidak halang Rosli bertani di tengah kota

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

@abdulrazakidris

WALAU PINJAL dan cacat penglihatan tidak menghalang Rosli Rashid (56) untuk bertani di tengah kota. Rosli Rashid, yang tinggal di Seksyen 7, dekat sini, memulakan usahanya bertani ikan keli dan ikan sepat di kawasan ini. Beliau telah bertani selama lebih dari 10 tahun dan kini mempunyai lebih 100 ekor ikan keli dan 50 ekor ikan sepat di kolamnya.

Rosli Rashid, yang tinggal di Seksyen 7, dekat sini, memulakan usahanya bertani ikan keli dan ikan sepat di kawasan ini. Beliau telah bertani selama lebih dari 10 tahun dan kini mempunyai lebih 100 ekor ikan keli dan 50 ekor ikan sepat di kolamnya.



Rosli Rashid, yang tinggal di Seksyen 7, dekat sini, memulakan usahanya bertani ikan keli dan ikan sepat di kawasan ini. Beliau telah bertani selama lebih dari 10 tahun dan kini mempunyai lebih 100 ekor ikan keli dan 50 ekor ikan sepat di kolamnya.

Klang. Kelasnya lagi, buat masa ini, beliau hanya menjual ikan keli dan ikan sepat di pasar tradisional sekitar Shah Alam, Selangor.

Rosli Rashid, yang tinggal di Seksyen 7, dekat sini, memulakan usahanya bertani ikan keli dan ikan sepat di kawasan ini. Beliau telah bertani selama lebih dari 10 tahun dan kini mempunyai lebih 100 ekor ikan keli dan 50 ekor ikan sepat di kolamnya.